

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : DATUK WIRA HAJAH MAS ERMIEYATI BINTI
SAMSUDIN [MASJID TANAH]
TARIKH : 1 APRIL 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 9

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah] minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat menyatakan apakah langkah yang diambil oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk kesejahteraan rakyat dalam membantu golongan ibu tunggal khususnya warga emas yang tidak mempunyai pendapatan untuk mendapatkan rawatan lanjutan seperti hemodialisis.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian melalui Yayasan Kebajikan Negara (YKN) memperuntukkan anggaran RM4.0 juta bagi membiayai rawatan dialisis kepada pesakit buah pinggang yang terpilih di seluruh negara setiap tahun. Kesemua individu yang ditaja sepenuhnya itu terdiri pesakit buah pinggang yang kurang berkemampuan dengan pendapatan bulanan di bawah RM1,200 sebulan dan sedang mendapatkan rawatan di Pusat Dialisis kelolaan Yayasan Kebajikan Negara (YKN) di seluruh negara.

Di antara penerima bantuan dialisis YKN terdiri daripada pesakit buah pinggang dalam lingkungan usia 27 – 80 tahun yang terdiri daripada suri rumah tangga, **ibu tunggal, warga emas perempuan**, warga emas lelaki, golongan belia dan golongan lelaki dewasa. **Mulai bulan Januari 2018 hingga Disember 2018 seramai 66 orang** telah menerima manfaat daripada YKN melalui bantuan hemodialisis. Pusat Dialisis YKN atau dikenali sebagai YKN Dialisis telah menyediakan perkhidmatan rawatan dialisis secara percuma kepada golongan ini di samping melaksanakan pelbagai program berbentuk holistik kepada pesakit dan keluarga pesakit.

Di samping itu, Kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menyalurkan bantuan kewangan secara bulanan kepada warga emas dan juga pesakit-pesakit yang layak dan menepati kriteria dan syarat yang telah ditetapkan. Terdapat dua (2) skim bantuan kewangan yang disediakan khusus kepada golongan warga emas yang bertujuan untuk membantu meneruskan kelangsungan hidup dan mendapatkan rawatan lanjutan seperti hemodialisis dan pelbagai penyakit lain.

Skim Bantuan Kewangan tersebut ialah Bantuan Orang Tua dengan kadar RM350 Sebulan dan Bantuan Penjagaan Pesakit Kronik dan Orang Kurang Upaya Terlantar dengan kadar RM350 Sebulan. Berdasarkan statistik JKM pada tahun 2018 seramai **166,028** penerima bantuan bersamaan

SOALAN NO. 9

RM661,966,760.00 telah mendapat manfaat daripada kedua-dua skim bantuan kewangan ini.

JKM juga menyediakan perkhidmatan dan kemudahan pengangkutan kepada warga emas untuk mendapat pemeriksaan dan rawatan kesihatan di Hospital atau Klinik Kesihatan dan juga Program Khidmat Bantu di Rumah (KBDR) *Home Help Service* juga merupakan satu adaptasi inovasi sosial dalam meningkatkan kesejahteraan hidup warga Warga Emas (WE) dan Orang Kurang Upaya (OKU) yang dengan izin *vulnerable* dan *marginalise*. Sehingga Disember 2018 seramai **8,994** orang isi rumah yang terdiri daripada **7,135** isi rumah WE dan **1,859** isi rumah OKU telah menerima perkhidmatan ini.